

# 'Orang ramai boleh nilai layanan diterima Mahaleel'

BH - 27/7/2005

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada orang ramai untuk menilai sama ada Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff diberi layanan adil atau sebaliknya berhubung isu penamatan kontrak beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton Holdings Bhd (Proton).

"Saya tidak boleh menentukannya kerana saya mungkin berat sebelah," kata Penasihat Proton itu ketika ditanya sama ada Tengku Mahaleel dilayan dengan adil dalam isu itu, pada sidang media di sini, semalam.

Ditanya sama ada Tengku Mahaleel mendapat ganjaran "golden handshake", bekas Perdana Menteri berkata: "Itu perkara lain."

"Saya percaya, Datuk Nadzmi (bekas Pengarah Urusan Proton, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh) yang bertugas selama tiga tahun, diberikan ganjaran RM1 juta. Tengku Mahaleel sudah berkhidmat lebih tiga tahun, saya fikir tujuh tahun.

"(Bagaimanapun) pengerusi baru (Datuk Mohd Azlan Hashim), memberitahu saya apa yang berlaku sebelum beliau dilantik, bukan urusannya. Ini bermaksud beliau tidak mahu mengambil kira perkhidmatan Tengku Mahaleel selama ini".

Ditanya mengapa beliau perlu memanggil sidang media semalam, Dr Mahathir berkata, ia bertujuan menjawab soalan wartawan yang mahu mendapatkan ulasannya mengenai perkara itu sejak malam kelmarin.

"Baiklah, hari ini saya mengadakan sidang akhbar kerana biasalah, sebagai orang tua yang pelupa, kalau saya membuat kenyataan sambil berjalan, mungkin saya tersilap," katanya.

Ditanya sama ada penjelasannya bertujuan membela Tengku Mahaleel, beliau berkata: "Keutamaan saya ialah kepada projek kereta nasional... saya mungkin boleh dakwa saya mulakan sebelum Tengku Mahaleel terbabit.

"Apabila anda membuat sesuatu dan ia mula menampakkan kejayaan, kita mahu melihat ia terus berjaya... pertikaian lembaga pengarah ini, yang saya percaya turut membabitkan isu lain atau mungkin campur tangan mereka yang berkuasa... ini saya tak tahu.

"Kebimbangan saya ialah mengenai Proton, projek nasional yang dikagumi ramai. Anda tentu tahu, kita ialah sebuah negara membangun yang mampu terus mengeluarkan kereta sedangkan jenama terkemuka seperti MG-Rover, Austin Morris sudah berkubur," katanya.

Ditanya jika beliau mahu terus berkhidmat sebagai Penasihat Proton, Dr Mahathir berkata: "Melainkan jika saya disingkir".

**“** *Semalaman saya memikirkan apa yang saya mahu katakan hari ini dan membuat nota... saya perlu lebih hati-hati sekarang”*

**Dr Mahathir Mohamad**

Bekas Perdana Menteri

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAKSASAN  
PIMPINAN  
PERDANA